

SOALAN NO.: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

SOALAN :

Dato' Datuk Abd Rahim bin Bakri minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk menyeragamkan harga jualan/belian getah di Negeri Sabah sepertimana harga di Semenanjung Malaysia memandangkan perbezaan harga di antara kedua-dua tempat sangat jauh berbeza dan apakah faktor utama yang menyebabkan perbezaan tersebut.

90

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian tidak dapat menyeragamkan harga jualan/belian getah peringkat ladang di Semenanjung dan Sabah kerana urusniaga getah melibatkan persetujuan antara pihak pembeli dan penjual menerusi pasaran terbuka. Perbezaan harga di ladang yang wujud antara Semenanjung dan Sabah adalah kerana kos pemprosesan di Sabah yang lebih tinggi disebabkan oleh faktor kos input bahan serta peralatan yang tinggi. Ini kerana kebanyakan bahan-bahan serta peralatan berkenaan yang digunakan dalam pemprosesan getah perlu diimport dari Semenanjung di samping kos pengangkutan yang tinggi untuk membawa getah keluar dari kawasan pedalaman melalui keadaan jalan yang kurang memuaskan.

Di samping itu, terdapat juga faktor-faktor lain yang mempengaruhi harga yang ditawarkan oleh peniaga antaranya seperti Kandungan Getah Kering (KGK), kualiti getah, lokasi kebun dari premis pembelian, bilangan pembeli serta kilang memproses di sesuatu kawasan, kuantiti getah yang ditawarkan dan rangkaian pemasaran.

Tuan Yang Di-Pertua,

Walaupun terdapat perbezaan pada harga getah di peringkat ladang yang diterima pekebun kecil getah di Semenanjung dan Sabah, Kerajaan melalui Insentif Pengeluaran Getah (IPG) telah menjamin purata harga getah bulanan peringkat ladang tidak akan kurang dari RM2.20 sekilogram dengan

KGK 50%. Dengan pelaksanaan IPG, Kerajaan akan menampung perbezaan antara RM2.20 sekilogram getah dengan harga semasa yang diterima oleh pekebun kecil. Pelaksanaan IPG juga menjamin pekebun kecil dapat menikmati pendapatan bulanan sebanyak RM1,100 dengan andaian produktiviti getah sekerap (*cuplump*) sebanyak 3,000 kilogram/hektar/tahun dan purata milikan tanah seluas 2 hektar.

Sekian, terima kasih.